

**Najib Tiba Di Terengganu, Beri Semangat Kepada Jentera BN
Bernama
1 Mei, 2013**

KUALA TERENGGANU, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di sini Rabu sebagai sebahagian daripada program lawatan ke negeri-negeri bagi memberi semangat kepada jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya umum 5 Mei.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri, isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan anak perempuannya Nooriyana Najwa, mendarat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu pukul 9.15 pagi.

Berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Said, isteri Toh Puan Seri Nurliza Mahmud dan barisan pimpinan parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri.

Sejurus tiba, Najib terus ke majlis penyampaian Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan Tahun 2012 di Kampung Bukit Wan.

Pada tengah hari Najib dijadual menghadiri majlis bersama anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) negeri Terengganu di Taman Tamadun Islam sebelum menghadiri perjumpaan sepetang bersama rakyat dan menyampai sumbangan bantuan nelayan di padang berhampiran Masjid Mengabang Telipot, Kuala Nerus.

Najib kemudian akan melawat pusat rehabilitasi 1Malaysia, Bangunan Penyelaras UMNO, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sebarang Takir, Kampung Telaga Daing di Kuala Terengganu.

Najib dijadual pulang ke ibu negara pada lewat petang.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946580>